

23/04/1999

Mahathir nafi beri Anwar kata dua

Jamhariah Jaafar; Ebi Azly Abdullah; Salina Abdullah
KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menafikan pernah memberitahu Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa tindakan akan diambil terhadapnya, jika timbalannya itu tidak berundur.

"Kononnya saya kata pada dia kalau dia undur saya tidak akan pecat. Ini bohong semata-mata. Saya kata pada dia lebih baiklah dia pergi dengan secara biasa," kata Perdana Menteri.

Sebaliknya, Dr Mahathir berkata, Anwar menegaskan beliau tidak akan undur "tetapi dia akan lawan balik".

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas sama ada Anwar akan menghadapi dakwaan lain selepas dijatuhkan hukuman penjara enam tahun kerana didapati bersalah atas empat tuduhan rasuah menyalahgunakan kuasa, minggu lalu.

Bercakap kepada pemberita selepas membentangkan laporan kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) di Dewan Rakyat, hari ini, Dr Mahathir berkata beliau tidak berhak atau berkuasa untuk menghentikan sebarang dakwaan sekiranya seseorang itu melakukan kesalahan kerana semua orang sama di sisi undang-undang.

"Yang sebenarnya adanya dakwaan ini disebabkan dia sendiri (Anwar) yang membuat laporan polis dan polis apabila mendapati ada sesuatu yang salah, terpaksa mengambil tindakan mahkamah.

"Saya tidak ada kuasa untuk menghentikan. Saya tidak pernah janji kalau dia pergi (meletak jawatan) tidak ada kacau-kacau (rusuhan), saya tidak akan dakwa dia.

"Undang-undang mesti berjalan, kita semua bercakap mengenai semua orang adalah sama di sisi undang-undang, tapi bila kena pada diri sendiri, bila kena pada kawan, kita berpendapat undang-undang tidak baik," katanya.

Anwar dipecat daripada kerajaan pada 2 Septembar tahun lalu dan daripada Umno sehari kemudian.

Mengenai dakwaan susulan yang akan dihadapi Anwar selepas ini, Perdana Menteri berkata, ia adalah hak Peguam Negara dan beliau tidak mempunyai sebarang kuasa dalam hal berkenaan.

"Ini adalah masalahnya dengan Anwar, beliau fikir dia boleh mengganggu proses undang-undang seperti yang dilakukan dalam kes rusuhan terbaru (minggu lalu) dan dia menjangka kita juga akan turut sama campur tangan," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebelum Anwar, ramai menteri Kabinet, menteri besar serta ahli politik lain yang dihadapkan ke mahkamah dan kerajaan tidak pernah campur tangan.

"Kalau kena menteri Kabinet, saya tidak pernah kata ini menteri Kabinet tak bolehlah dakwa dia. Tak pernah, kalau kena (dakwa) dia pergi.

"Baru-baru ini seorang ahli Exco Melaka didakwa. Kalau ikut (tuduhan) Anwar, saya boleh hentikan... boleh cakap jangan dakwa. Tapi kita tak kacau, ini urusan Peguam Negara dan polis.

"Kalau saya kacau, saya fikir undang-undang dalam Malaysia ini akan terbahagi kepada penyokong parti dengan pembangkang. Kalau orang pembangkang kita tangkap, orang penyokong kita tak tangkap... ini tak kena," katanya.

Ditanya sama ada tindakan penyokong Anwar boleh mempengaruhi rakyat lain, Dr Mahathir berkata beliau yakin rakyat berfikiran waras dan majoritinya tidak akan menyertai sebarang kejadian rusuhan atau tunjuk perasaan.

Menurutnya, ada golongan berharap Malaysia akan mengalami keadaan huru hara seperti yang dialami Indonesia tahun lalu.

"Tapi malangnya rakyat Malaysia tidak semacam itu. Walaupun mereka ganas tapi mereka nampak tidaklah begitu ganas sangat.

"Yang aktif ini ialah budak-budak yang belum lagi bertanggungjawab. Mereka bukan pekerja dan tidak peduli mengenai pendapatan. Mereka dapat biasiswa senang sebab rakyat bayar, bayar bukan untuk belajar tetapi untuk mereka berdemonstrasi," katanya.

Perdana Menteri percaya kumpulan reformasi kecewa kerana matlamat untuk mencetus huru hara tidak berjaya dan bilangan yang menyertai mereka juga tidak begitu besar.

(END)